

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menangani ancaman sebaran ideologi sesat yang bercanggah dengan Islam seperti Liberalisme dan Pluralisme.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius mengenai penularan ideologi dan aliran pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti liberalisme dan pluralisme. Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung perkara ini dari tersebar luas di kalangan masyarakat adalah seperti berikut:

1. Fatwa dan Perundangan:
 - i. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996, antara lain telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah

dari segi akidah, syariah dan akhlak. Selain itu, menetapkan bahawa ajaran Islam selain daripada pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah dilarang.

- ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.
- iii. Enam buah negeri telah mengeluarkan keputusan fatwa mengenai pemikiran liberalisme iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah. Dua negeri iaitu Selangor dan Sabah telahewartakan keputusan fatwa mengenai liberalisme tersebut.

2. Program penjelasan dan penerangan kepada masyarakat:

- i. Melalui siri penjelasan dalam seminar dan forum berkaitan akidah yang dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.
- ii. Pendedahan bahaya fahaman liberalisme melalui media baharu dan penyiaran seperti siaran khutbah serta rancangan-ancangan agama seperti rancangan Forum Perdana Ehwal Islam dan Anda Musykil? yang disiarkan melalui TV serta rancangan lain yang turut diterbitkan dan disiarkan melalui radio stesen-stesen nasional Kerajaan serta boleh diakses melalui media baharu.
- iii. Melaksanakan muzakarah pakar, sidang meja bulat dan bengkel bersama agensi peringkat Persekutuan dan Negeri bagi berkongsi input dan mencari solusi untuk menangani masalah kekeliruan pemikiran yang dibawa oleh golongan berfikiran liberal.

- iv. Program pemantapan kefahaman Ahli Sunnah wal-Jamaah dengan agensi yang menyelaras program kepada penjawat awam dan institusi pengajian tinggi khususnya kepada pelajar yang akan ke luar negara. Slot-slot penerangan mengenai akidah diberi kepada mereka dan dimasukkan dalam modul-modul yang berkaitan.
 - v. Penerbitan bahan bacaan dan buku yang berkaitan isu liberalisme dan pluralisme dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi dan Jabatan Mufti/Jabatan Agama Islam/Majlis Agama Islam Negeri bagi memberi pendedahan dan rujukan kepada masyarakat berhubung perkara ini.
3. Pendidikan peringkat rendah/ Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA):

Penekanan terhadap pendidikan akidah yang benar melalui penggubalan kurikulum agama yang berkaitan akidah bagi pendidikan agama khususnya di peringkat sekolah rendah melalui Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

Sekian, terima kasih.